

ISNIN  
11 02  
2019

“Membimbing  
Ke Arah  
Kemahiran  
Berfikir Aras  
Tinggi (KBAT)  
khusus untuk  
calon UPSR”

**BH**

**DIDIK**

bhdidik@bh.com.my

**27 PERSONALITI**  
Keluarga dorong Nur  
Auni aktif skuasy

**28 BAHASA INGGERIS:**  
Abstract and concrete noun

**48 MATEMATIK:**  
Operasi bergabung

Layari [www.FullAMark.com.my](http://www.FullAMark.com.my) untuk melanggan dan mendapat lebih banyak soalan UPSR



## PELBAGAIKAN BAHAN BACAAN

➔ Tidak terhad kepada buku sahaja,  
sebaliknya memanfaatkan bacaan di internet

Oleh Maria Uffa Zulkafeli  
maria.uffa@bh.com.my

► Shah Alam

**B**udaya membaca perlu dipupuk sejak dari kanak-kanak lagi kerana perkembangan minda pada usia ini akan lebih menyerlah. Amalan itu bukan sahaja dapat meningkatkan daya ingatan golongan itu, malah mereka mampu mempunyai daya imaginasi yang tinggi melalui pembacaan.

Kini, kanak-kanak boleh mempelbagaikan bahan bacaan dan tidak terhad dengan membaca buku secara fizikal, sebaliknya memanfaatkan bahan bacaan ilmiah yang terdapat di alam maya.

Lihat muka 26.



## Bahasa Inggeris – Pemahaman

A **concrete noun** can be observed by our senses. We can see, touch, hear, taste, or smell it.

Example: elephant, peanuts, books

The farmer rears an elephant behind his house.

An **abstract noun** is something we cannot see, touch, hear, taste, or smell. It is something we experience like an idea or an emotion.

Example: birthday, happiness, November

She will celebrate her birthday in November.

## Exercise 1

Complete the table with abstract and concrete nouns.

windscreen	freedom	palm	trust
grandchildren	stove	weight scale	ability
bangle	honesty	faith	childhood

## Abstract noun

## Concrete noun

## Exercise 2

Read the following sentences. Write "C" above concrete nouns and "A" above abstract nouns.

- Before lunch, Suraya felt very hungry.
- Next year, Philip will go to Scandinavia for a vacation.
- Confidence is very important when you deliver a speech.
- We need his idea to complete the mission.
- The Majesty was charmed by the queen's beauty.

## Exercise 3

## Questions 1 to 5

Choose the **best** answer to complete the sentence.

- It takes a lot of \_\_\_\_\_ to deliver a speech in front of public.  
A confident                      C trust  
B confidence                    D honesty
- She prefers to go to the \_\_\_\_\_ to watch a movie.  
A hospital                      C trust  
B cinema                        D honesty
- She likes to have an evening walk along the beach because it offers her \_\_\_\_\_.  
A serene                        C serenity  
B peaceful                      D strength
- My mother used a \_\_\_\_\_ to vacuum the carpet.  
A vacuum                      C cleaner  
B vacuum cleaner              D broom
- She used a \_\_\_\_\_ for months since she could not walk.  
A wheel                        C wheelchair  
B wheelbarrow                  D chair

## Question 6

Choose the most suitable simile.

- Michael and her sister have been fighting \_\_\_\_\_ since afternoon. Therefore, their mother decided to punish them.  
A like a dog                      C like a baby  
B like cats and dogs            D like a lion

## Questions 7 to 9

Choose the **best** answer to fill in the blanks in the passage that follows.

Last Sunday, Hanif and his brother went to the mall. They wanted to \_\_\_\_\_ (7) \_\_\_\_\_ a special gift for their father's birthday. Hanif decided to buy a \_\_\_\_\_ (8) \_\_\_\_\_ for his father. Therefore, they went to Kent's Leather Boutique and \_\_\_\_\_ (9) \_\_\_\_\_ a leather wallet for their father. Although, it was costly but they were happy to get it for their father.

- A sell                              C display

B purchase                      D promote
- A purse                          C wallet


B bicycle                        D shirt
- A sold                            C purchased

B purchase                      D sell

## Exercise 4

## Question 21

Write a suitable response for each picture in the space provided.



Answer:

[2 marks]



Answer:

[2 marks]



Answer:

[2 marks]

## ABSTRACT AND CONCRETE NOUN

## Exercise 5

Read the advertisement and the dialogue below. Then, answer the questions that follow.

Normal price: RM78.00      Normal price: RM150.00      Normal price: RM170.00

**CLEARANCE SALE**  
**50% discount**  
10 - 25 December  
Mega Store, Bayan Lepas, Pulau Pinang

After discount: RM65.00      After discount: RM47.00      Normal price: RM204.00

- John: Have you seen the flyer? There's a clearance sale at Mega Store.
- Linda: Yes, I have seen it. We should give something to our Dad on his birthday.
- John: Well, what about if we purchase a shirt for him?
- Linda: That's great. But the shirt's price is quite costly. It's RM150.00.
- John: That's the normal price, Linda. Anyway, I will pay RM50.00 and you pay for the balance.
- Linda: Sure, brother. I will. I believe Dad will be happy.

## Question 24

Tick (✓) the **correct** answer.

- (a) There is a clearance sale at \_\_\_\_\_  
Mega Store, Bayan Lepas  
The Store, Taiping  
Pacific Mega Mall, Penang

[1 mark]

- (b) The clearance sale offers \_\_\_\_\_  
30% discount  
50% discount  
70% discount

[1 mark]

## Question 25

Write your answer in the space provided.

- (a) From the flyer above, what is the price of the men's shoes after discount?  
\_\_\_\_\_
- (b) What is the price of the shirt after discount?  
\_\_\_\_\_

[2 marks]

[2 marks]

Anyway, I will pay RM50.00 and you pay for the balance.

- (c) Based on the dialogue above, what can you describe about John? Give reasons.  
\_\_\_\_\_

[2 marks]



## SECTION C

### ➔ Exercise 1

Write a story based on the picture below. You **may** use the words given to help you. Write your answer in the space provided. Write your story between **80 and 100** words.



house  
shattered  
ran  
brave  
advised  
hard  
afraid  
commended  
apologised  
careful

Start your story with:

One day, Zul, Karim, David, and Ravi were playing football in the field near their house ...

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There is no handwriting or other markings on the paper.

### ➔ Exercise 2

Write a story based on the picture below. You **may** use the words given to help you. Write your answer in the space provided. Write your story between **80 and 100** words.



thirsty  
stall  
dirty  
stomach ache  
ignored  
doctor  
vomiting  
advised  
careful  
hot

Start your story with:

It was a hot day and Aida and Anisa were walking home from school. ...

### → Exercise 3

Write a story based on the picture below. You **may** use the words given to help you. Write your answer in the space provided. Write your story between **80 and 100 words**.



stall  
offices  
courteous  
lunch  
dishes  
cheap  
rice  
wife  
delicious

Start your story with:

Pak Zainuddin and his wife has a stall in front of an office building ...



1. Kata adjektif sifat / keadaan  
Contoh: *kasar*  
Ayat contoh: Kita tidak boleh bersikap **kasar** dengan siapa sahaja.
2. Kata adjektif warna  
Contoh: *ungu*  
Ayat contoh: Pokok bunga kertas itu lebat berbunga yang berwarna **ungu**.
3. Kata adjektif ukuran  
Contoh: *renek*  
Ayat contoh: Nenek menanam beberapa pokok **renek** sepanjang jalan masuk ke rumah.
4. Kata adjektif bentuk  
Contoh: *buncit*  
Ayat contoh: Perut lelaki itu **buncit** kerana tidak bersenam.
5. Kata adjektif waktu  
Contoh: *lampau*  
Ayat contoh: Datuk suka bercerita tentang masa **lampau**nya.
6. Kata adjektif jarak  
Contoh: *rapat*  
Ayat contoh: Hubungan Maisarah dengan Molly sangat **rapat** bagai isi dengan kuku.
7. Kata adjektif cara  
Contoh: *gelojoh*  
Ayat contoh: Emak menegur Anis kerana dia **gelojoh** ketika makan mi goreng.
8. Kata adjektif perasaan  
Contoh: *ragu*  
Ayat contoh: Encik Kamis berasa **ragu** akan penerangan jurujual itu.
9. Kata adjektif pancaindera
  - i) Deria rasa  
Contoh: *manis*  
Ayat contoh: Bubur caca ini sangat **manis** rasanya.
  - ii) Deria pandang  
Contoh: *cantik*  
Ayat contoh: Wanita itu masih **cantik** walaupun telah berusia lebih lima puluh tahun.
  - iii) Deria bau  
Contoh: *tengik*  
Ayat contoh: Puan Ina membuang minyak yang telah **tengik**.
  - iv) Gabungan deria  
Contoh: *bersih*  
Ayat contoh: Irfan mencuci kasut sekolahnya sehingga **bersih**.

→ Latihan 1

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

cekap	awal	tajam	sederhana
-------	------	-------	-----------

Pada cuti sekolah yang lalu, Mimi membantu ibunya membuat ikan masin. Mimi bangun (1) \_\_\_\_\_ pagi untuk membantu ibunya. Mimi menyangi ikan-ikan yang mahu dibuat ikan masin dengan menggunakan sebuah pisau yang (2) \_\_\_\_\_. Mimi melakukan tugasannya dengan (3) \_\_\_\_\_ sekali. Ikan yang perlu disiang itu (4) \_\_\_\_\_ sahaja besarnya.

masin	cermat	bersih	lama
-------	--------	--------	------

Seterusnya, Mimi dan emaknya mencuci ikan-ikan itu sehingga (5) \_\_\_\_\_. Ikan-ikan itu dicuci menggunakan air yang mengalir. Mimi melumur garam pada ikan-ikan tersebut agar ikan-ikan tersebut menjadi (6) \_\_\_\_\_. Ikan masin itu

akan tahan \_\_\_\_\_ (7) \_\_\_\_\_ jikalau disimpan dengan cara yang betul. Mimi melakukan tugasannya dengan \_\_\_\_\_ (8) \_\_\_\_\_ sekali.

sabar	tinggi	terik	kering
-------	--------	-------	--------

Akhir sekali, Mimi menjemur ikan-ikan itu di atas para yang agak (9) . Ikan-ikan itu perlu dijemur di bawah cahaya matahari yang (10) . Mimi akan membalik-balikkan ikan tersebut supaya ikan-ikan itu akan (11) sekata. Mimi membalik-balikkan ikan itu dengan (12) .

berhemat	besar	berpatutan	rajin
----------	-------	------------	-------

Apabila ikan-ikan itu kering, Mimi mengumpulkan ikan-ikan tersebut. Dia menyimpannya di dalam sebuahraga yang agak \_\_\_\_\_ (13) . Seorang peraih ikan membeli ikan-ikan masin itu dengan harga yang \_\_\_\_\_ (14) . Emak Mimi pula akan memberi upah kepada Mimi kerana Mimi amat \_\_\_\_\_ (15) membantunya. Mimi menyimpan wang tersebut di dalam sebuah tabung. Dia mahu menggunakan wang tersebut untuk membeli apa-apa sahaja keperluannya. Mimi sentiasa berbelanja dengan \_\_\_\_\_ (16) .

➔ Latihan 2

Pilih jawaban yang paling sesuai.

- 1 Joo Lin tidak mahu mengingati peristiwanya yang amat menyedihkan hatinya.  
A payau C masam  
B masin D pahit
- 2 Sekumpulan penduduk Taman Murni membantah pembinaan pangsupuri itu kerana dinding rumah mereka akibat pembinaan tersebut.  
A calar C retak  
B sompek D pecah
- 3 Mina tidak mahu tidur beramai-ramai di dalam bilik yang \_\_\_\_\_ itu.  
A sempit C sendat  
B singkat D ketat
- 4 Keropok udang yang digoreng oleh Kakak Hani itu sangat \_\_\_\_\_.  
A garing C lemau  
B hangus D rangup
- 5 "Orang yang malas membaca, pengetahuan mereka agak \_\_\_\_\_," kata pemenang NILAM peringkat daerah Gombak itu.  
A tohor C muda  
B cetek D mengkal
- 6 Jalan menuju ke Pantai Sepat menjadi \_\_\_\_\_ semasa hari cuti.  
A banyak C sesak  
B padat D penuh
- 7 Pihak pembangkang berjaya mematahkan hujah lawan kerana mereka menggunakan hujah yang amat \_\_\_\_\_.  
A bernas C giat  
B cerdas D maju
- 8 Air sungai itu mengalir dengan \_\_\_\_\_ kerana banyak sampah sarap yang dibuang ke dalamnya.  
A lelih C lemah  
B penat D lesu
- 9 Langsir di ruang tamu itu \_\_\_\_\_ hingga mencecah lantai.  
A lanjut C panjang  
B labuh D tinggi
- 10 Adik terpaksa menolak basikalnya kerana tayar basikal itu \_\_\_\_\_ terkena paku.  
A kendur C pancit  
B reput D luput

## KATA ADJEKTIF, PERIBAHASA

➔ Latihan 3

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya

Jirin dan keluarganya hidup susah. Ayahnya penoreh getah manakala ibunya membuat kuih-muih untuk dijual di sebuah gerai saudara mereka di Pekan Makmur. Kehidupan mereka ibarat kais pagi makan pagi kais petang makan petang. Namun begitu, Jirin amat berjiwa cermat dengan makan bekalan yang dibawa. Dia tidak membelanjakan wang yang diberi oleh ibunya sebaliknya disimpangkannya di dalam tabung.

Sejak akhakhir ini, ayah Jirin selalu sakit. Ayah Jirin batuk-batuk dan demam yang berpanjangan menyebabkan dia tidak dapat menoreh getah seperti sediakala. Jirin berasa amat bimbang akan kesihatan ayahnya yang semakin merosot. Ibu Jirin terpaksa menemani ayah Jirin ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

Ayah Jirin terpaksa dirawat dan ditahan di hospital. Ibu Jirin terpaksa membuat kuih-muih pada waktu malam dan menunggu ayah Jirin di hospital pada waktu siang. Jirin menjadi semakin bimbang kerana keadaan kewangan mereka sekeluarga semakin teruk.

Jirin berdoa semoga ayahnya segera sembuh dan dibenarkan keluar dari hospital. Setelah dua minggu di hospital, ayah Jirin dibenarkan keluar namun terpaksa membayar bil hospital yang agak mahal. Ibu Jirin termenung sambil berfikir untuk mencari akal.

Jirin mengeluarkan simpanannya untuk membantu ibunya yang kekurangan wang. Ibu Jirin bersyukur kerana Jirin membantu menyelesaikan bil hospital ayahnya. Sikap Jirin yang mengamalkan *sikit-sikit lama-lama jadi bukit* patut dicontohi kerana dia dapat meringankan beban ibu bapanya semasa diperlukan.

1. Di manakah ibu Jirin menjual kuih-muih?  
A Di gerai kepunyaan saudara mereka  
B Di restoran di Pekan Makmur  
C Di simpang jalan kampung mereka  
D Di Pekan Makmur
2. Nyatakan nilai murni yang patut kita contohi daripada sikap Jirin.  
A Berwaspada  
B Mengisi masa  
C Bersopan-santun  
D Prihatin
3. Mengapakah ayah Jirin ditahan di hospital?  
A Sakit tekak dan batuk-batuk  
B Demam berpanjangan  
C Batuk dan demam berpanjangan  
D Mengalami kecederaan
4. Di manakah Jirin menyimpan wang tersebut?  
A Bank  
B Tabung  
C Di celah buku  
D Di dalam bilik tidurnya
5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.  
A Ayah Jirin seorang penoreh getah.  
B Ibu Jirin mempunyai sebuah gerai di pekan.  
C Datuk Jirin ditahan di sebuah hospital.  
D Jirin membeli makanan di kantin pada waktu rehat.
6. Peribahasa *sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit sama* maksud dengan peribahasa \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
7. Berapa lamakah bapa Jirin dirawat di hospital?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
8. Tandakan (✓) atau (X) pada pernyataan di bawah.

(i)	Jirin seorang anak yang bertanggungjawab.	
(ii)	Ibu Jirin membuat kuih-muih untuk dijual.	
(iii)	Jirin dan keluarganya hidup mewah.	



# KATA ARAH DAN BERITA

## SISTEM BAHASA KATA ARAH

- Kata arah ialah kata yang digunakan untuk menunjukkan hala atau kedudukan sesuatu itu berada.

- Contoh kata arah: dalam, tepi, luar, tengah, atas, hadapan, bawah, belakang, utara, selatan, timur, barat, sudut, segi, penjuru, hujung, antara, seberang, samping, sisi, dan sebagainya.

- Kebiasaannya, kata arah hadir selepas kata sendi nama dan sebelum kata nama.

Hadir selepas kata sendi nama 'ke'

Ayat contoh:

- Abang melompat ke atas kotak itu.
- Pokok itu condong ke barat apabila ditiup angin dari timur.

Hadir selepas kata sendi nama 'di'

Ayat contoh:

- Ikan dan ketam hidup di dalam air.
- Rumah itu dibina di hujung kampung.

Hadir selepas kata sendi nama 'dari'

Ayat contoh:

- Penyanyi itu sangat hebat dari segi vokal.
- Cikgu Helmi berasal dari utara Semenanjung Malaysia.

- Dalam peperiksaan UPSR, soalan berkaitan kata arah biasanya akan disertakan dengan gambar ilustrasi. Teliti gambar untuk menentukan arah dan kedudukan perkara yang dimaksudkan dalam ayat yang diberikan.

### Peringatan:

Kata arah yang digunakan sebagai kata sendi nama tidak boleh didahului dengan kata sendi nama 'di'.


Contoh:

	Salah	Betul
(i)	Mereka tidak akan hadir di dalam mesyuarat itu.	Mereka tidak akan hadir dalam mesyuarat itu.
(ii)	Saya amat terharu di atas sumbangan yang telah diberikan oleh pihak tuan.	Saya amat terharu atas sumbangan yang telah diberikan oleh pihak tuan.
(iii)	Aidid adalah di antara murid yang akan menyertai pasukan kriket sekolah itu.	Aidid adalah antara murid yang akan menyertai pasukan kriket sekolah itu.

## Latihan 1

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- Masjid itu terletak di \_\_\_\_\_ sebuah balai polis dengan sebuah hospital.  
A tepi C tengah  
B antara D hujung
- Gelas yang terletak di \_\_\_\_\_ meja itu telah jatuh apabila Ahmad tersandung meja itu.  
A sisi C hujung  
B tepi D penjuru

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



- Ramli mengepit sebilu bola di \_\_\_\_\_ kakinya sambil berlari.  
A balik C tengah  
B celah D bawah

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- Sarina meletakkan kasut sekolahnya di \_\_\_\_\_ tangga rumahnya.  
A atas C tengah  
B sudut D pangkal
- Dari \_\_\_\_\_ agama dan moral, mencuri adalah perbuatan yang tidak baik.  
A samping C dalam  
B sebelah D sudut
- Mak Kiah mengeluarkan dari \_\_\_\_\_ almari itu sepasang baju kurung kepunyaannya.  
A luar C tengah  
B dalam D belakang

- Kereta api Sinaran Malam akan bertolak dari \_\_\_\_\_ ke \_\_\_\_\_ pada jam 6.00 petang.  
A kiri ... kanan C utara ... selatan  
B tengah ... tepi D depan ... belakang

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah.



- Ayah menolak meja itu ke \_\_\_\_\_ biliknya agar kelihatan lebih kemas.  
A celah C bawah  
B sudut D tengah

## Latihan 2

Tandakan (✓) untuk penggunaan kata nama arah yang betul dan tandakan (X) untuk yang salah.

1	Di dalam kemalangan itu, semua mangsa mengalami kecederaan yang agak serius.	
2	Pihak PIBG mengucapkan terima kasih di atas sumbangan yang telah diberikan oleh para dermawan.	
3	Kakak terlupa bahawa bajunya tertinggal di dalam bilik air.	
4	Banyak orang berkelah di tepi pantai itu.	
5	Dari sini ke sana hanya mengambil masa satu jam sahaja.	

## PEMAHAMAN BERITA

### Latihan 3

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BANTING, Khamis 29 November – Sekolah Kebangsaan Kampung Endah telah melakar sejarah paling cemerlang apabila keputusan peperiksaan UPSR diumumkan hari ini. Buat pertama kalinya, sebanyak 5 orang calon UPSR di sekolah ini telah berjaya mendapat 6A dan sebanyak 10 orang calon pula memperoleh 5A 1B. Setelah keputusan rasmi diterima pada pukul 10.30 pagi di Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat, pihak sekolah telah mengumumkan kepada ibu bapa dan para jemputan yang hadir pada Hari Kecemerlangan yang sedang berlangsung tentang keputusan tersebut. Pengumuman itu telah disambut dengan tepukan gemuruh dan sorakan, "SKKE BOLEHI!" beberapa kali.

Ketika mengumumkan keputusan itu, Encik Jomali bin Basiron, Penolong Kanan Pentadbiran, kejayaan cemerlang sekolah tersebut adalah hasil kerjasama erat antara guru-guru, ibu bapa dan PIBG. Beberapa program telah dijalankan sepanjang tahun khusus untuk mempertingkatkan prestasi UPSR. Antara program yang telah diadakan ialah Ceramah Motivasi, Ceramah Teknik Menjawab Soalan UPSR, Kem Kecemerlangan, Kem Bestari, kelas tambahan dan majlis bacaan Yasin dan solat hajat. Beliau turut berbangga dengan pengorbanan dan kesungguhan semua guru di sekolah ini.

Sementara itu, Yang Dipertua PIBG, Tuan Haji Yosri bin Siran pula menjelaskan bahawa, kejayaan kali ini turut disumbangkan oleh Ahli Jawatankuasa PIBG yang telah dilantik pada tahun ini yang begitu tekun memberikan kerjasama kepada pihak sekolah untuk menjalankan semua program kecemerlangan yang telah dirancang. Beliau menambah, janji yang telah diberi oleh Wakil Rakyat, YB Dato' Tuan Haji Borhan bin Aman Shah, turut menyuntik semangat calon-calon UPSR sekolah ini untuk berusaha dengan gigih. Hal ini kerana, setiap calon yang berjaya memperoleh 6A akan diberi imbuhan sebanyak RM100.00, manakala yang memperoleh 5A 1B pula RM50.00. Beliau merupakan bapa angkat sekolah ini.

Puan Ruhana binti Mustakim, Guru Besar, ketika dihubungi berkata, "Kejayaan ini adalah kejayaan semua. Saya bangga dengan tenaga pengajar yang ada di sekolah saya dan pihak PIBG yang begitu prihatin. Semoga tahun hadapan sekolah ini akan terus cemerlang." Keputusan keseluruhan sekolah ini telah meningkat sebanyak 20 peratus berbanding pencapaian tahun lepas 65 peratus.

- Di manakah keputusan peperiksaan UPSR diterima?  
A Di pejabat SK Batu Laut  
B Di Jabatan Pendidikan Negeri Selangor  
C Di Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat  
D Di Pejabat Wakil Rakyat Kawasan Kuala Langat
- Siapakah yang telah mengumumkan keputusan itu di SK Kampung Endah?  
A Guru Besar  
B Yang Dipertua PIBG  
C Penolong Kanan Pentadbiran  
D Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Langat

- Pernyataan berikut adalah benar tentang petikan di atas kecuali  
A YB Tuan Haji Borhan merupakan bapa angkat SK Batu Laut  
B Yang Dipertua PIBG telah menyampaikan imbuhan RM1000.00  
C Peratus keseluruhan sekolah tersebut ialah 85 peratus pada tahun ini.  
D Hari Kecemerlangan diadakan pada hari keputusan UPSR diumumkan.

- Berdasarkan keputusan UPSR tersebut, berapakah jumlah imbuhan yang akan disediakan oleh Wakil Rakyat tersebut?

[2 markah]

- Pada pendapat kamu, bagaimanakah sekolah ini boleh mencapai kejayaan yang cemerlang dalam UPSR?

[3 markah]



**DIDIK**Oleh KF Yap  
bhdidik@bh.com.my**Bahasa Melayu – Penulisan (SJK)****BAHAGIAN C****Panduan Menulis Karangan Autobiografi**

- Karangan ini merupakan karangan berformat umum.
- Karangan jenis ini menceritakan diri penulis sebagai benda lain.
- Riwayat hidup yang diceritakan itu menyentuh peristiwa suka dan duka dari mula dihasilkan sehingga tidak lagi digunakan.
- Karangan ini boleh ditulis dalam bentuk cerita yang berunsur khayalan tetapi logik dan bersesuaian dengan benda yang digambarkan oleh penulis sebagai dirinya.
- Karangan kamu perlu menyentuh:
  - tarikh / tempat lahir
  - ciri fizikal
  - kegunaan atau khidmat yang diberikan
  - pengalaman
  - perasaan
- Gunakan bahasa yang mudah, padat dan tepat.

**➔ Latihan 1**

Lengkapkan karangan di bawah dengan jawapan yang sesuai.

Aku sebuah \_\_\_\_\_

- Nama aku \_\_\_\_\_
- Aku dilahirkan di sebuah kilang di \_\_\_\_\_
- Badan aku diperbuat daripada \_\_\_\_\_
- Aku berwarna \_\_\_\_\_
- Badan aku dipasang dengan \_\_\_\_\_
- Setelah siap, aku dihantar ke kedai menjual \_\_\_\_\_
- Aku dihantar dengan sebuah lori ke \_\_\_\_\_
- Pekerja kedai telah menyimpan aku di dalam \_\_\_\_\_
- Kemudian, aku dipamerkan di \_\_\_\_\_ kedai.
- Dia meletakkan tanda \_\_\_\_\_ pada badan aku.
- Pada suatu hari, datang seorang budak ke \_\_\_\_\_
- Budak itu bernama \_\_\_\_\_
- Dia melihat \_\_\_\_\_ sejam.
- Dia tertarik hati pada diri aku yang \_\_\_\_\_
- Dia terus membeli aku pada harga RM \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_ menjaga aku dengan baik.
- Aku berasa \_\_\_\_\_ dan bangga mendapat tuan seperti ini.

**➔ Latihan 2**

Lengkapkan karangan autobiografi berdasarkan isi-isi yang diberikan.

**Aku Sebuah Basikal**

dilahirkan di Ipoh – diperbuat daripada besi, getah dan plastik	dihantar ke kedai basikal – dipamerkan – dijual dengan harga RM250	– menghadiahkan aku kepada anak lelakinya – hari jadi ke-12
digunakan untuk ke sekolah – laluan basikal – di tempat letak basikal – dikunci	diperiksa – lampu menyala loceng – berbunyi brek – berfungsi tayar – berbunga dan berangin	dijaga dengan baik – berjanji berkhidmat sehingga akhir hayat

Aku sebuah basikal. Nama aku Rally. (1) \_\_\_\_\_

Setelah siap,  
aku dihantar ke sebuah kedai basikal di Kuala Lumpur. Aku dihantar dengan menggunakan lori  
kecil. Di situ (2) \_\_\_\_\_

Pada suatu hari, Encik Tan telah membeliku. (3) \_\_\_\_\_

TuanKu menggunakan aku untuk ke sekolah. Dia menunggangku dengan hati-hati di atas  
jalan raya. (4) \_\_\_\_\_

TuanKu sangat cermat orangnya. Aku diperiksa pada setiap hari. (5) \_\_\_\_\_

Aku berasa gembira kerana aku dijaga dengan baik. (6) \_\_\_\_\_

**➔ Latihan 3**

Andaikan kamu sepasang kasut sekolah. Ceritakan pengalaman kamu sebagai sepasang kasut sekolah.

**➔ Latihan 4**

Andaikan diri kamu sehelai baju. Tulis karangan bertajuk "Aku Sehelai Baju".



## BAHAGIAN A DAN B

**Bagian A**  
(10 markah)  
(Masa dicadangkan: 15 minit)

### LATIHAN 1

Gambar di bawah menunjukkan suasana semasa kejohanan merentas desa. Tulis lima ayat yang lengkap tentang suasana kejohanan merentas desa tersebut.



1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_

### LATIHAN 2

Gambar di bawah menunjukkan suasana semasa latihan rumah sukan. Tulis lima ayat yang lengkap tentang gambar tersebut.




1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_

**Bagian B**  
(15 markah)  
(Masa dicadangkan: 25 minit)


### LATIHAN 1


(Buku teks Tahun 5 halaman 10)  
Gambar di bawah memaparkan blog tentang kek cawan. Tulis ulasan tentang blog kek cawan tersebut tersebut.  
Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

## SELAMAT DATANG KEK CAWAN MAMA



- Produk kami sesuai untuk pelbagai majlis
- Harga yang ditawarkan berpatutan
- Terdapat pelbagai perisa





- Tempahan boleh dibuat menggunakan sistem pesanan ringkas.
- Penghantaran akan sampai satu jam sebelum majlis bermula.

### LATIHAN 2

(Buku teks Tahun 5 halaman 15)  
Maklumat di bawah memaparkan tentang Klinik UPSR. Tulis ulasan tentang kelebihan menyertai Klinik UPSR tersebut.  
Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

**8.00 pagi**  
Pendaftaran peserta:

- murid-murid mendapat fail, alat tulis dan buku catatan

**9.30 pagi**  
Ceramah sesi pertama bermula:


- murid-murid mengikuti ceramah tentang teknik belajar yang berkesan dan cara mengurus masa dengan baik



**1.00 tengah hari**  
Rehat dan makan tengah hari:

- murid-murid makan tengah hari dan berehat serta menunaikan solat berjemaah

**2.00 petang**  
Ceramah sesi kedua bermula:

- murid-murid didedahkan dengan teknik menjawab soalan UPSR





## Matematik (Kertas 1)

## PECAHAN (ASAS)

Pada minggu ini, murid-murid akan mempelajari dan menjawab soalan melibatkan tajuk **Pecahan**. Nota yang disediakan dalam ruangan ini juga diharap dapat membantu murid-murid untuk lebih memahami kaedah menjawab soalan-soalan tersebut. Selamat mencuba, semoga murid-murid berjaya menjawab dengan betul dan tepat setiap soalan yang disediakan.

**Pecahan wajar**

- Pengangka lebih kecil daripada penyebut.
- Nilainya kurang daripada 1.

**Pecahan tidak wajar**

- Pengangka lebih besar atau sama dengan penyebut.
- Nilainya sama dengan atau lebih daripada 1.

**Pecahan bercampur**

- Terdiri daripada satu nombor bulat dan satu pecahan wajar.
- Nilainya lebih daripada 1.

**Tambah Pecahan**

- Tambah pecahan sama penyebut
- Pastikan kekalkan penyebut.
- Hanya menambah pengangka sahaja.
- Permudahkan jawapan (jika perlu sahaja).

**Tambah pecahan berlainan penyebut**

- Pastikan tukarkan satu atau kedua-dua pecahan kepada pecahan setara yang sama penyebut.
- Pastikan tambah pengangka sahaja.
- Permudahkan jawapan (jika perlu sahaja).

**Tolak Pecahan**

- Tolak pecahan sama penyebut
- Kekalkan penyebut dan tolak pengangka-pengangkanya.

**Tolak pecahan berlainan penyebut**

- Tukar pecahan itu kepada penyebut yang sama dahulu.

**Tolak nombor bulat**

- Tukar nombor bulat kepada bercampur sebelum tolak.

**Tambah dan tolak pecahan**

- Jika melibatkan pecahan, lakukan operasi dari kiri ke kanan.

**Konsep "daripada" dalam pecahan**

- "daripada" dalam pecahan bermaksud darab ( $\times$ ).
- Pemansuhan hanya boleh dilakukan antara pengangka dengan penyebut sahaja.
- Pendaraban suatu pecahan dengan suatu nombor bulat adalah untuk mencari nilai pecahan itu daripada nombor bulat tersebut. Hasil yang diperolehi adalah sebahagian daripada keseluruhan kuantiti itu.

**Darab Pecahan**

- Darab pecahan wajar dengan pecahan tidak wajar
- Darab pengangka dengan pengangka.
- Darab penyebut dengan penyebut.
- Permudahkan jawapan (jika perlu sahaja).

**Bahagi Pecahan**

- Bahagi pecahan wajar dengan nombor bulat
- Tukar simbol bahagi ( $\div$ ) kepada darab ( $\times$ ) dan tulis songsangan bagi pembahagi (nombor bulat).
- Darab pengangka dengan pengangka.
- Darab penyebut dengan penyebut.
- Permudahkan jawapan (jika perlu sahaja).

**Bahagi pecahan wajar dengan pecahan wajar**


- Tukar simbol bahagi ( $\div$ ) kepada darab ( $\times$ ) dan tulis songsangan bagi pembahagi (pecahan kedua).
- Darab dua pecahan.
- Permudahkan jawapan (jika perlu sahaja).

**Bahagi nombor bercampur dengan pecahan wajar atau nombor bercampur**

- Tukar nombor bercampur kepada pecahan tidak wajar.
- Tukar simbol bahagi ( $\div$ ) kepada darab ( $\times$ ) dan tulis songsangan bagi pembahagi (pecahan kedua).
- Lakukan pendaraban dua pecahan.
- Permudahkan jawapan (jika perlu sahaja).

## ➔ Latihan

- 1 Rajah 1 menunjukkan beberapa buah segi empat tepat yang sama saiz.  
Diagram 1 shows several rectangles of equal size.



Rajah 1 / Diagram 1

Apakah pecahan kawasan berlorek daripada keseluruhan rajah?  
What is the fraction of the shaded regions from the whole diagram?

- A  $1\frac{1}{4}$                       C  $2\frac{1}{4}$   
B  $1\frac{1}{2}$                       D  $2\frac{3}{4}$

- 2 Antara yang berikut, manakah yang bukan pecahan setara bagi  $\frac{1}{3}$ ?

Which of the following is not an equivalent fraction of  $\frac{1}{3}$ ?

- A  $\frac{3}{9}$                       C  $\frac{5}{15}$   
B  $\frac{4}{12}$                       D  $\frac{4}{16}$

- 3 Tukarkan  $\frac{27}{4}$  kepada nombor bercampur.


Convert  $\frac{27}{4}$  to mixed numbers.

- A  $4\frac{5}{6}$                       C  $6\frac{3}{4}$   
B  $5\frac{3}{4}$                       D  $7\frac{2}{3}$

- 4 Antara yang berikut, manakah yang **betul**?  
Which of the following is **true**?

- A  $1\frac{1}{5} = \frac{7}{5}$                       C  $1\frac{7}{8} = \frac{15}{8}$   
B  $1\frac{2}{3} = \frac{14}{6}$                       D  $1\frac{2}{9} = \frac{19}{9}$

- 5 Rajah 2 menunjukkan garis nombor yang tidak lengkap.  
Diagram 2 shows an incomplete number line.



Rajah 2 / Diagram 2

Apakah nilai P?  
What is the value of P?


- A  $2\frac{1}{2}$                       C  $2\frac{1}{5}$   
B  $2\frac{2}{3}$                       D  $2\frac{1}{6}$

- 6 Tukarkan  $2\frac{1}{4}$  kepada pecahan tidak wajar.

Convert  $2\frac{1}{4}$  to an improper fraction.

- A  $\frac{7}{4}$                       C  $\frac{9}{4}$   
B  $\frac{8}{4}$                       D  $\frac{11}{4}$

- 7 Rajah 3 menunjukkan garis nombor yang tidak lengkap.  
Diagram 3 shows an incomplete number line.



Rajah 3 / Diagram 3

Hitung beza nilai antara K dengan L.  
Calculate the difference between K and L.

- A  $\frac{1}{2}$                       C  $\frac{1}{5}$   
B  $\frac{1}{3}$                       D  $\frac{1}{6}$

8  $\frac{3}{9} + \frac{4}{9} =$

- A  $\frac{1}{9}$                       C  $\frac{7}{9}$   
B  $\frac{2}{5}$                       D  $\frac{5}{6}$

9  $2\frac{1}{5} + \frac{7}{10} =$

- A  $2\frac{1}{5}$                       C  $2\frac{8}{10}$   
B  $2\frac{9}{10}$                       D  $2\frac{8}{15}$

10  $4\frac{2}{3} - 1\frac{5}{9} =$

- A  $2\frac{1}{9}$                       C  $3\frac{1}{9}$   
B  $2\frac{3}{9}$                       D  $3\frac{3}{9}$

